

## **ABSTRAK**

Pembangunan kapasiti mempunyai konsep yang sama seperti pendidikan, latihan dan sumber manusia. Pengkaji mendapati bahawa industri kraftangan memerlukan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan memerlukan pengeluaran produk kraftangan yang berterusan. Latihan pembangunan kapasiti ini sebagai kaedah untuk menghasilkan masyarakat yang berkemahiran dalam bidang kraftangan melalui penubuhan institusi TVET yang dikekalkan sehingga kini walaupun menghadapi pelbagai cabaran. Secara umumnya, kajian ini akan melihat fungsi pembangunan kapasiti ini terhadap pelajar di institusi TVET. Salah satu objektif yang dinyatakan adalah menganalisis keberkesanan latihan pembangunan kapasiti dalam industri kraftangan terhadap pelajar. Pengkaji mendapati bahawa pesepsi, tingkah laku dan keberkesanan latihan mempunyai hubungan yang signifikan dengan pembangunan kapasiti setelah menjalani beberapa ujian hipotesis. Pengkaji telah memilih kaedah kuantitatif yang berfokuskan persampelan kluster. Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa emosi dan kepuasan mempengaruhi pelajar sepanjang latihan pembangunan kapasiti dijalankan. Kesimpulannya, latihan pembangunan kapasiti adalah usaha yang terbaik untuk meningkatkan industri kraftangan termasuk mewujudkan masyarakat yang berkemahiran tinggi.

**Kata Kunci:** Pembangunan kapasiti, industri kraftangan, TVET, pelajar

## ***Capacity Building in the Sarawak Handicraft Industry***

### ***ABSTRACT***

*Education, training, and human resources are all concepts that are related to capacity development. The researcher discovered that the handicraft sector needs a highly skilled labour force to produce handcrafted goods continuously. This capacity building training as a method to produce a community skilled in the field of handicrafts through the establishment of TVET institutions which are maintained until now facing various challenges. In general, this study will look at the function of developing this capacity for students in TVET institutions. The objectives are to analyze the effectiveness of capacity building training in the handicraft industry for students. Several hypothesis tests were conducted, and the researcher concluded that perception, behaviour, and training effectiveness have significant correlations with capacity development. A quantitative approach centred on cluster sampling has been selected by the researcher. The results of this study show that students' emotions and satisfaction throughout the capacity development training is carried out. To sum up, the greatest way to enhance the handicraft sector and develop a highly trained populace is through capacity building training.*

***Keyword:*** Capacity building, handicraft industries, TVET, student